

Jangan 'pijak' negara sendiri

Ungkapan 'demi agama, bangsa dan negara' kerap disebut rakyat Malaysia. Persoalannya, apakah kita faham makna di sebalik ungkapan itu?

Adakah kita menggunakan ungkapan ini hanya sebagai penyedap dalam ucapan atau sekadar sebutan di mulut, namun maksudnya hilang begitu sahaja?

Jika dirujuk Rukun Negara, perkara pertama disebutkan ialah Kepercayaan Kepada Tuhan. Ini menunjukkan negara sangat menekankan rakyatnya agar beragama. Agama menjadi tonggak utama Malaysia sebagai negara berdaulat dan bertamadun.

Ini bertepatan ciri sesebuah tamadun, iaitu wujud agama yang menjadi asas atau panduan untuk manusia hidup di muka bumi.

Sebagai seorang beragama, mengapa dikaitkan dengan demi agama? Sebagai warganegara beragama Islam, menjadi tanggungjawab setiap Muslim mempertahankan dan menjaga agamanya agar tidak dipermainkan pihak tertentu yang ingin menjatuhkan Islam di negara ini.

Setiap Muslim berperanan menyumbang tenaga untuk pembangunan Islam. Ini bertepatan Perlembagaan yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Bagi orang bukan Islam di negara ini pula harus menjaga agama dan kepercayaan mereka dan diberi kebebasan mengamalkan agama masing-masing tanpa bersikap prejudis terhadap agama lain.

Setiap penganut di negara ini perlu bersikap tolaq ansur dan memahami ajaran agama lain untuk mengelak berlaku

konflik kaum.

Sebab itulah dalam Perlembagaan menyebut walaupun Islam agama Persekutuan, agama lain bebas diamalkan dengan aman dan tenteram selagi tidak mengganggu sensitiviti agama lain.

Untuk merungkai maksud demi bangsa pula, setiap warganegara harus sedar status bangsa Malaysia terdiri pelbagai kaum, agama dan budaya yang hidup dalam negara berdaulat serta merdeka.

Walaupun berbangsa-bangsa, kita semua rakyat di negara ini dan setiap orang perlu menghormati satu sama lain.

Selalunya di negara ini, kita menyebut kaum berbanding bangsa. Dari satu aspek setiap kaum perlu mempertahankan bangsa atau kaum masing-masing agar budaya dan gaya hidup diwarisi dapat dipertahankan.

Namun, dalam konteks lebih besar, semua kaum di negara ini adalah satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia.

Justeru, semua kaum di negara ini perlu memainkan peranan mengekalkan identiti bangsa Malaysia, bersama-sama berganding bahu, sentiasa bekerjasama, bertolak ansur, mengamalkan toleransi dan hormat pada undang-undang negara.

Setiap orang perlu mengikis perasaan iri hati kepada bangsa lain, sebaliknya semai rasa sayang sebagai warga Malaysia.

Percayalah negara luar sangat kagum dengan kepelbagaian bangsa dan budaya yang ada di Malaysia, sedangkan kita dapat hidup aman dan damai.

Ungkapan demi negara pula sangat besar maknanya. Tanpa negara, siapalah kita yang menumpang di bumi bertuah ini.

Semua rakyat Malaysia perlu menumpukan taat setia tidak berbelah bahagi

kepada negara. Harus disedari setiap warga mempunyai tanggungjawab untuk negara, tidak kira apa pekerjaan mereka daripada pemerintah sehingga kepada rakyat.

Walaupun kerjaya berbeza, semuanya pelengkap kepada pembangunan negara. Tidak kira sama ada seseorang itu ahli politik, pemimpin, doktor, penguam, guru, pengutip sampah, peniaga atau posmen, semuanya bertugas untuk negara.

Dewasa ini, kita dapat lihat ada rakyat menghinakan negara sendiri di negara luar atau menulis perkara tidak baik mengenai negara sendiri.

Perbuatan ini sangat tidak bermoral kerana sebagai warganegara kita seharusnya menjaga nama baik negara atau dengan perkataan lain, kita wajib menjaga rumah kita.

Henkikan perbuatan memijak atau menterbalikkan Jalur Gemilang, menghinakan institusi dan pemimpin, agama serta segala perbuatan yang boleh merosakkan negara kita sendiri.

Semua perbuatan ini akan terpalit kepada diri dan negara kita juga. Orang luar pula ketawa kerana kita sendiri yang merosakkan negara.

Cukup negara terjah beratus tahun, membiarkan kepala pemimpin dan rakyat dipijak. Hari ini, kita pula yang memijak negara sendiri?

Kalau dahulu kita dapat lihat nenek moyang bergadai nyawa mengusir penjajah, hari ini kita tidak perlu bergadai nyawa memukul senjata, tetapi duduk, bekerja, bantu dan sokong pemimpin kita memperkasakan agenda negara.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Pusat Sains Kemanuslisan (PSK), **Universiti Malaysia Pahang**



Dr Hasnah Hussien